

Penjelasan PM mengenai Renong telus

— MTUC —
UM 22 JUL 2001

KUALA LUMPUR 21 Julai — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyifatkan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan wang rakyat dalam kes pengambilalihan syarikat Renong Bhd. sebagai telus dan meyakinkan.

Presidennya, Senator Zainal Rampak hari ini berkata, sehubungan itu rakyat pastinya berasa lega dan berterima kasih atas jaminan tersebut.

Semalam Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan wang rakyat dalam pengambilalihan Renong Bhd. melalui Khazanah Nasional Bhd.

Kumpulan Renong menerusi syarikatnya seperti United Engineers Malaysia Bhd. (UEM), Projek Lebuhraya Utara Selatan Bhd. (PLUS), Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) dan Prolink Development Sdn. Bhd. (Prolink), masih menanggung beban hutang sebanyak RM13 bilion.

Berikutan itu, pengambilalihan dan penyusunan semula syarikat konglomerat itu akan dilaksanakan dengan bantuan Pengurusan Dana-harta Nasional Bhd. yang bertindak sebagai penyelesai kepada masalah bebanan hutang Renong.

Pengumuman rasmi mengenai pembelian itu dijangka dibuat pada Isnin ini.

Zainal enggan membuat andaian apabila ditanya sama ada kerajaan akan menggunakan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk tujuan pengambilalihan itu.

“Di bawah perundangan Keselamatan Kerajaan Malaysia, kerajaan boleh membuat pinjaman daripada KWSP sebanyak lebih 50 peratus untuk tujuan pembangunan.

“MTUC tidak berasa bimbang jika kerajaan membuat pinjaman kerana lazimnya pinjaman kerajaan dibayar balik tepat pada masa dengan kadar faedah yang tinggi,” ujarnya kepada *Mingguan* di sini.

Bagaimanapun, beliau mahu kerajaan mengadakan bedah siasat ke atas syarikat konglomerat itu untuk mengetahui punca mengapa ia menanggung beban hutang yang begitu banyak.

“Rakyat perlu tahu konsep pengambilalihan ini dan status syarikat itu. Apakah kerugian itu disebabkan impak daripada kelembapan ekonomi ataupun berpunca daripada masalah pengurusan,” jelasnya.